

# Senam sihat satu inovasi sambutan Maulidur Rasul: Musa

DE 6.1.13 2

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman menyifatkan program senam sihat yang diadakan sempena sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini sebagai satu inovasi dalam usaha mengukuhkan silaturrahim dan budaya muafakat dalam kalangan rakyat.

Melalui inovasi berkenaan, sambutan Maulidur Rasul yang dirayakan saban tahun bukan lagi hanya memfokuskan kepada acara atau program keagamaan, malah mencakupi program kesihatan seperti senam sihat yang turut disertai pelbagai lapisan masyarakat.

"Kesihatan amat penting bukan sahaja dalam menjalankan ibadah tetapi juga menunaikan tanggung-

jawab dan kewajipan yang dia manahkan dengan cekap dan berkesan," katanya dalam teks ucapannya pelancaran Program Senam Sihat sempena sambutan Maulidur Rasul 1435H di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Likas, di sini pada Ahad.

Teks ucapan Musa sempena program anjuran bersama Universiti Malaysia Sabah dengan Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (Yadim) Zon Sabah dan Bank Muamalat itu dibacakan, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Mohd Ariffin Arif.

Musa berkata, sejarah hidup Rasulullah S.A.W sebagai seorang rasul, pendakwah, guru, imam, ketua

keluarga, suami dan ketua negara adalah didokong dan bermula daripada tahap kesihatan baginda yang tinggi.

"Ini memberi isyarat yang jelas betapa perlunya umat Islam dan manusia seluruhnya agar sentiasa meletakkan kesihatan diri pada tahap yang terbaik," katanya.

Sementara itu Musa menyambut baik inisiatif dan daya usaha UMS dan Yadim dalam mengadakan program senam sihat itu sebagai satu daripada pengisian sambutan Maulidur Rasul.

Beliau berharap aktiviti berkenaan dijadikann sebagai satu permulaan yang baik untuk menggalakan penglibatan aktif generasi muda dalam program keagamaan di Sabah, pada masa akan datang. – Bernama



ARIFFIN dan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah bergambar bersama peserta program berkenaan.